

182
NO. SOALAN: 161

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]

RUJUKAN : 10680

SOALAN :

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai anak-anak yang berada di Malaysia kini yang ditakrifkan sebagai "Stateless Children" dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan mereka ini membesar dan tidak mendatangkan masalah kepada negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Taraf kewarganegaraan ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Dalam hal ini, taraf kewarganegaraan individu yang dilahirkan sebelum perkahwinan ibu bapa didaftarkan secara sah mengikut perundangan adalah mengikut kewarganegaraan ibunya selaras dengan Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan. Dalam situasi di mana individu dilahirkan di luar perkahwinan oleh wanita warga asing, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan merekodkan taraf kewarganegaraan individu tersebut sebagai Bukan Warganegara.

Dakwaan bahawa seseorang akan menjadi orang yang tidak bernegara (*stateless*) adalah tidak tepat kerana menjadi kewajipan dan tanggungjawab ibu atau penjaga individu tersebut untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal ibunya. Kementerian ini ingin menegaskan bahawa kegagalan ibu atau penjaga melaksanakan tanggungjawab mereka akan menyebabkan isu berbangkit seperti ketiadaan dokumen pengenalan diri daripada negara asal yang akhirnya menyebabkan keberadaan yang tidak sah di negara ini.

Bagi memastikan tiada isu berbangkit di masa hadapan dan di samping membentuk masyarakat yang bermoral dan patuh kepada

perundangan yang berkuat kuasa, Ahli Yang Berhormat diseru untuk menyebarluaskan pengetahuan berkaitan kepentingan mendaftarkan perkahwinan serta keperluan untuk mendaftarkan kelahiran di kedutaan bagi anak tak sah taraf kepada wanita warga asing.

RT15/162

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' JOHARI BIN ABDUL
DARIPADA [SUNGAI PETANI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan unit kquarters guru di seluruh negara yang tidak digunakan. Berapa nilai kewangan semasa dan senaraikan di mana unit-unit ini berada.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Terdapat sebanyak 15,402 unit kquarters yang tidak diduduki daripada 48,145 unit kquarters dan taburan lokasi kquarters adalah di semua negeri di seluruh negara. Jumlah kquarters yang diduduki adalah bergantung kepada permohonan daripada warga Kementerian Pendidikan Malaysia dan permohonan pihak luar.

RT15/162

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI - PKR]**

SOALAN NO.163

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa kes rasuah yang melibatkan pegawai dan kakitangan Kementerian yang telah disiasat oleh SPRM sejak tahun 2010 hingga Disember 2017 dan berapa dari mereka telah dihukum oleh mahkamah dan menjalani hukuman.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan sebanyak 42 Kertas Siasatan telah dibuka terhadap pegawai dan kakitangan Kementerian Belia dan Sukan dalam tempoh tahun 2010 hingga 2017. Daripada jumlah tersebut, seramai 4 orang telah dituduh di mahkamah dan 1 orang disabitkan kesalahan rasuah.

Sekian, terima kasih.